

D168

U B794 DEB

MAHATHIR - MAKHLUK

ARAU, 1 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERWASPADA TERHADAP +MAKHLUK PEROSAK+ BERKAKI DUA DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN. BELIAU BERKATA MAKHLUK BERKENAAN LEBIH BERBAHAYA KERANA PENYAKIT YANG DIBAWANYA MEMUSNAH DAN MENGAGALKAN PELBAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENASIHATI RAKYAT BERWASPADA TERHADAP MAKHLUK PEROSAK ITU YANG SERING MASUK KE KAMPUNG MENGHASUT RAKYAT MENBENCI KERAJAAN.

SEMASA KERAJAAN MEMPERKENALKAN TANAMAN PADI DUA KALI SETAHUN DAHULU, RAMAI PETANI YANG DIHASUT OLEH GOLONGAN TERTENTU SUPAYA TIDAK MENYETUJUINYA, TETAPI SETELAH BERJAYA MEREKA MARAHKAN KERAJAAN KERANA TIDAK MENYSALURKAN KE TEMPAT MEREKA, KATANYA.

BELIAU YANG DALAM RANGKA LAWATAN SEHARI KE NEGERI INI BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,500 PETANI SEBELUM MELANCARKAN PROGRAM KAWALAN MAKHLUK PEROSAK BESEPADU DI MADA TAMBUN TULANG, 8 KM DARI SINI. - LAGI

2058MST 01 08 86

U B795 DEB

MAHATHIR - MAKHLUK 2 ARAU

KERAJAAN MEMBELANJAKAN BERATUS-RATUS JUTA RINGGIT BAGI MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT, TERUTAMA DI KAWASAN PEDALAMAN MELALUI RANCANGAN SEPERTI MADA DAN KADA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU JUGA BERKATA WALAUPUN KERAJAAN MENYEDARI BAHAWA KOS MENANAM PADI DI NEGARA INI TINGGI DAN JIKA DIIMPORT LEBIH RENDAH, KERAJAAN TETAP MENGALAKKAN PETANI MENANAMNYAI KERANA KERAJAAN MAHU MENOLONG MEREKA.

KATANYA PEMBERIAN SUBSIDI DAN PELBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI BAJA WALAUPUN MENELAN PERBELANJAAN BESAR, IA DILAKSANAKAN KERANA ITULAH TANGGUNGJAWAB KERAJAAN DALAM USAHA MEMBANTU RAKYAT. -- BERNAMA.

2059MST 01 08 86